

| M/S   | TAJUK BERITA                                                                                   | TARIKH       | SUMBER         |
|-------|------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|----------------|
| 3-4   | KPT LANCAR PAPAN PEMUKA PENDIDIKAN TINGGI PANTAU KPI DAN PENCAPAIAN INISIATIF                  | 1 OGOS 2024  | BERNAMA ONLINE |
| 5     | KPT TERUSKAN MYBRAIN 2.0, TAJA PENGAJIAN PERINGKAT SARJANA, PHD                                | 1 OGOS 2024  | BERNAMA ONLINE |
| 6     | EMPAT PELAJAR PMM TERIMA BANTUAN DERMASISWA B40 TVET                                           | 8 OGOS 2024  | BERNAMA ONLINE |
| 7-8   | KPT TIDAK PERNAH ABAI PENDIDIKAN ANAK ORANG ASLI, SEDIA RUANG KOMUNITI ITU LANJUTKAN PELAJARAN | 12 OGOS 2024 | BERNAMA ONLINE |
| 9-11  | 250 PELAJAR, TENAGA PENGAJAR TVET DIDEHAHKAN KEPADA KIAM                                       | 13 OGOS 2024 | BERNAMA ONLINE |
| 12-14 | MPA HARAP KERAJAAN NILAI SEMULA KURSUS FISIOTERAPI BAWAH TVET                                  | 14 OGOS 2024 | BERNAMA ONLINE |
| 15-16 | INTERGRASI NILAI KENEGARAAN DALAM KURIKULUM DI SEMUA PERINGKAT PENDIDIKAN                      | 14 OGOS 2024 | BERNAMA ONLINE |
| 17-19 | SABAH BAKAL TUBUH MAJLIS TVET NEGERI                                                           | 17 OGOS 2024 | BERNAMA ONLINE |
| 20-22 | PROGRAM TVET AKAN DITAWARKAN KEPADA PELAJAR LUAR NEGARA                                        | 17 OGOS 2024 | BERNAMA ONLINE |
| 23-24 | IFUTURE 2024 PERKUKUH BAKAT KEPIMPINAN, KUALITI KEILMUAN MAHASISWA                             | 18 OGOS 2024 | BERNAMA ONLINE |
| 25-26 | RM50 JUTA BAK PULIH FASILITI POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI SELURUH NEGARA                         | 18 OGOS 2024 | MY METRO       |

| M/S   | TAJUK BERITA                                                | TARIKH       | SUMBER         |
|-------|-------------------------------------------------------------|--------------|----------------|
| 27-29 | ORANG ASLI TERIMA DIPLOMA DALAM BIDANG KEJURUTERAAN AWAM    | 20 OGOS 2024 | BERNAMA ONLINE |
| 30-32 | UTEM TERIMA ANUGERAH UNIVERSITI AWAM TVET                   | 20 OGOS 2024 | MY METRO       |
| 33-35 | 1,220 PELAJAR TVET MALAYSIA TELAH JALANI LATIHAN DI CHINA   | 22 OGOS 2024 | BERNAMA ONLINE |
| 36-38 | KEBOLEHPASARAN LULUSAN TVET MENINGKAT                       | 24 OGOS 2024 | BERNAMA ONLINE |
| 39-41 | LUMPUH TIDAK HALANG MUHAMMAD HAFIZUDDIN TERUSKAN KE-HIDUPAN | 26 OGOS 2024 | BERNAMA ONLINE |
| 42-43 | PERKUKUH EKOSISTEM TVET                                     | 26 OGOS 2024 | BH ONLINE      |
| 44-45 | POLITEKNIK PORT DICKSON LAKAR SEJARAH PERINGKAT ASIA        | 28 OGOS 2024 | MY METRO       |
| 46-47 | PERMINTAAN TINGGI GRADUAN TEKNIKAL                          | 29 OGOS 2024 | MY METRO       |

# BERNAMA

1 OGOS 2024

BERNAMA ONLINE | KPT LANCAR PAPAN PEMUKA PENDIDIKAN TINGGI PANTAU KPI DAN PENCAPAIAN INISIATIF

## KPT lancar papan pemuka pendidikan tinggi pantau KPI dan pencapaian inisiatif

🕒 01/08/2024 10:27 PM



PUTRAJAYA, 1 Ogos (Bernama) -- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) hari ini melancarkan papan pemuka pendidikan tinggi iaitu sebuah platform yang akan digunakan bagi memantau dan melapor pencapaian petunjuk prestasi utama (KPI) inisiatif kementerian.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata papan pemuka itu dibangunkan KPT bagi memantau pencapaian prestasi inisiatif-inisiatif kementerian.

"Papan pemuka ini merupakan platform bagi menyelaraskan input dan data pencapaian KPI inisiatif-inisiatif daripada bahagian, jabatan, agensi dan institusi pendidikan tinggi (IPT) bagi mengukur, menganalisa pelaporan serta mengambil kira keperluan intervensi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas pelancaran papan pemuka bersempena majlis perhimpunan bulanan KPT, di sini hari ini.

Zambry berkata terdapat tiga inisiatif yang dipantau di dalam papan pemuka itu termasuk Pelan Tindakan Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan Kajian Semula Dasar Pendidikan Tinggi Nasional (NRC).

Papan pemuka itu juga akan memaparkan kisah-kisah pencapaian institusi-institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) tempatan. Papan pemuka itu akan dipaparkan di laman web KPT untuk memberi rujukan dan maklumat terkini kepada masyarakat.

Terdahulu, Zambry turut menyempurnakan sesi flag off sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024 peringkat kementerian bagi menyemarakkan lagi pengisian pada tahun ini.

Selain itu, satu sesi syarahan bertajuk 'Humanity and Future Education' yang disampaikan oleh mantan Menteri Hubungan Antarabangsa dan Kerjasama Afrika Selatan Dr Naledi Pandor turut diadakan.

# BERNAMA

1 OGOS 2024

BERNAMA ONLINE | KPT TERUSKAN MYBRAIN 2.0, TAJA PENGAJIAN PERINGKAT SARJANA, PHD

## KPT Teruskan MyBrain 2.0, Taja Pengajian Peringkat Sarjana, PhD

🕒 01/08/2024 04:07 PM



# METRO

8 OGOS 2024

MY METRO | EMPAT PELAJAR PMM TERIMA BANTUAN DERMASISWA B40 TVET



NORIZAM (tengah) bergambar bersama empat pelajar yang dipilih untuk menerima bantuan Dermasiswa B40 TVET.

Empat pelajar PMM terima  
bantuan Dermasiswa B40  
TVET

# BERNAMA

12 OGOS 2024

BERNAMA ONLINE | KPT TIDAK PERNAH ABAI PENDIDIKAN ANAK ORANG ASLI, SEDIA RUANG KOMUNITI ITU LANJUTKAN PELAJAR

## KPT Tidak Pernah Abai Pendidikan Anak Orang Asli, Sedia Ruang Komuniti Itu Lanjutkan Pelajaran

🕒 12/08/2024 10:00 AM



GUA MUSANG, 12 Ogos (Bernama) — Kementerian Pengajian Tinggi tidak pernah mengabaikan pendidikan masyarakat anak Orang Asli, khususnya dalam pelbagai bidang di Pusat Pengajian Tinggi Awam (PPTA) dan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Menterinya Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata kementerian sentiasa menyediakan ruang dan peluang kepada anak komuniti Orang Asli untuk melanjutkan pengajian di PPTA dan dalam bidang TVET di seluruh negara.

Beliau berkata kadar kemasukan anak komuniti berkenaan ke pusat pengajian tinggi sentiasa meningkat setiap tahun.

“Seramai 482 anak Orang Asli yang tamat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia berjaya menerima surat tawaran melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang di PPTA di seluruh negara.

“Pendidikan untuk masyarakat Orang Asli bermula seawal usia kanak-kanak dengan membuka kelas pendidikan prasekolah, tadika, sekolah rendah seterusnya sekolah menengah di kawasan berhampiran penempatan mereka bagi memastikan anak Orang Asli tidak tercicir dalam pendidikan,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Zambry berkata komitmen kerajaan adalah untuk memastikan hak semua kaum, termasuk Orang Asli, untuk mendapatkan pendidikan yang baik pada peringkat menengah dan tinggi akan terus diperjuangkan tanpa mengira bangsa.

# BERNAMA

13 OGOS 2024

BERNAMA ONLINE | 250 PELAJAR, TENAGA PENGAJAR TVET DIDEHAHKAN KEPADA KIAR

## 250 pelajar, tenaga pengajar TVET didedahkan kepada KIAR

🕒 13/08/2024 07:26 PM



SHAH ALAM, 13 Ogos (Bernama) -- Seramai 250 pelajar dan tenaga pengajar daripada pelbagai institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) hari ini menyertai Program Eksplorasi Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) anjuran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM Nazli Rasyid Sulong berkata program di Dewan Datuk Seri Azam Baki, pejabat SPRM Selangor di sini itu antara lain bertujuan berkongsi aspirasi mengenai pelaksanaan KIAR TVET susulan keputusan untuk menjadikan KIAR sebagai subjek wajib untuk aliran pendidikan berkenaan.

Beliau berkata KIAR TVET mampu memberikan nilai tambah kepada objektif Dasar TVET Negara 2030 dalam usaha melahirkan modal insan berkemahiran bagi memenuhi keperluan industri yang berintegriti tinggi serta antirasuah.

"SPRM telah bersedia untuk menyediakan tenaga pengajar Latihan Jurulatih dan tenaga pensyarah bagi 10 sub modul di bawah kursus ini. Komuniti TVET sememangnya mempunyai peranan penting dalam menyumbang kepada ekonomi negara.

"Untuk rekod, jumlah siswazah TVET dari 2018 hingga 2023 adalah seramai 256,901 orang dengan bidang terbesar TVET adalah kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan dengan kadar kebolehpasaran graduan TVET adalah sebanyak 92.5 peratus," katanya dalam kenyataan hari ini.

Nazli Rasyid berkata SPRM telah mengambil langkah awal dengan memperkenalkan projek rintis KIAR di institusi TVET di Institut Latihan Teknik dan Perdagangan, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPSM) Negeri Sabah pada 2021.

Selain itu, KIAR turut diperkenalkan di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Lumpur dan Melaka di bawah Kementerian Sumber Manusia pada Jun 2023 dan di 22 institut latihan di bawah kendalian Kementerian Belia dan Sukan bermula Ogos tahun yang sama.

Sebelum ini, SPRM dalam kenyataan memaklumkan kerajaan bersetuju menjadikan modul KIAR sebagai mata pelajaran wajib di semua institusi TVET menerusi mesyuarat Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pada 20 Mei lepas.

# BERNAMA

14 OGOS 2024

BERNAMA ONLINE | MPA HARAP KERAJAAN NILAI SEMULA KURSUS FISIOTERAPI BAWAH TVET

## MPA harap Kerajaan nilai semula kursus fisioterapi bawah TVET

🕒 14/08/2024 08:44 PM



KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Persatuan Fisioterapi Malaysia (MPA) menyuarakan harapan supaya Kerajaan Persekutuan menilai semula keputusan memasukkan kursus fisioterapi ke dalam program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kebangsaan.

Presiden MPA Dr Mohd Haidzir Abd Manaf berkata beliau berharap kerajaan akan mengadakan perbincangan bersama semua pihak berkepentingan, termasuk organisasi profesional, institusi pendidikan dan pengamal aktif dalam bidang itu, bagi memastikan kemajuan dan mengekalkan standard yang tinggi.

"Mengklasifikasikan fisioterapi sebagai kursus TVET dan bukan sebagai program ijazah penuh atau diploma, menimbulkan kebimbangan. Keperluan pendidikan semasa untuk ahli fisioterapi dibentuk memastikan pemahaman menyeluruh tentang anatomi manusia, fisiologi, patologi, keadaan klinikal dan teknik terapeutik.

"Fisioterapi ialah satu bidang yang sangat khusus, memerlukan latihan dan pendidikan menyeluruh untuk memastikan pengamalnya cekap dan mampu memberikan penjagaan yang selamat dan berkesan.

Membenarkan individu yang datang dari program teknikal atau vokasional untuk merawat pesakit sebagai ahli fisioterapi, berpotensi menjejaskan kualiti," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Mohd Haidzir berkata piawaian semasa perlu dikekalkan untuk menjamin bahawa semua ahli fisioterapi yang mengamalkan memiliki pengetahuan dan kemahiran penting menguruskan kes pemulihan yang kompleks.

Beliau berkata piawaian semasa perlu dikekalkan, bagi menjamin bahawa kesemua ahli fisioterapi yang mengamalkannya memiliki pengetahuan dan kemahiran penting untuk menguruskan kes pemulihan yang kompleks.

“Latihan teknikal atau vokasional mungkin tidak memberikan pendidikan secara mendalam yang diperlukan untuk memahami butiran rumit pergerakan manusia, mekanisme kecederaan dan intervensi terapeutik. Oleh itu, MPA akan terus memperjuangkan hak kesemua ahli fisioterapi dan memastikan piawaian yang telah diperjuangkan selama ini,” katanya.

Mohd Haidzir berkata MPA turut mencadangkan kepada kerajaan untuk menyediakan geran perniagaan dan latihan keusahawanan untuk graduan fisioterapi yang menganggur di Malaysia.

“Inisiatif ini bertujuan memperkasa graduan ini untuk menubuhkan pusat fisioterapi, khususnya di kawasan luar bandar yang akses kepada perkhidmatan sedemikian terhad. Selain itu, kami mengesyorkan untuk dilaksanakan pengecualian cukai jualan dan perkhidmatan (SST) untuk pusat fisioterapi ini, bagi mengurangkan beban kewangan dan menggalakkan pertumbuhan.

“Satu lagi syor utama ialah melaksanakan program TVET yang disesuaikan khusus untuk melatih pembantu pemulihan. Pembantu pemulihan atau pembantu rehabilitasi, ialah seorang profesional penting yang bekerja bersama pasukan pemulihan untuk menyokong pemulihan pesakit,” katanya.

Pada 23 Julai, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengumumkan bahawa kerajaan akan mewujudkan sijil bagi kursus kemahiran fisioterapi untuk dimasukkan dalam kurikulum TVET kebangsaan.

Ahmad Zahid yang juga pengerusi Majlis TVET Kebangsaan berkata terdapat keperluan untuk kerajaan mewujudkan kursus kemahiran berkenaan bagi mengimbangi nisbah seorang ahli fisioterapi dengan kadar kependudukan negara yang pada ketika ini satu ahli fisioterapi kepada 7,400 penduduk dan kadar itu agak rendah berbanding di negara maju lain.

-- BERNAMA

# BERNAMA

14 OGOS 2024

BERNAMA ONLINE | INTEGRASI NILAI KENEGARAAN DALAM KURIKULUM DI SEMUA PERINGKAT PENDIDIKAN

## Integrasi Nilai Kenegaraan Dalam Kurikulum Di Semua Peringkat Pendidikan – Ahmad Zahid

🕒 14/08/2024 12:16 PM



KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Transformasi sistem pendidikan perlu bermula dengan mengintegrasikan nilai-nilai kenegaraan dalam kurikulum di semua peringkat pendidikan dalam usaha untuk membentuk generasi pemimpin masa depan yang berwibawa dan beretika, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata nilai-nilai seperti integriti, kesaksamaan dan tanggungjawab sosial perlu diajar bukan sahaja sebagai subjek moral tetapi juga sebagai asas dalam semua bidang pengajian.

"Ini dapat dicapai melalui pendekatan pembelajaran yang holistik serta penekanan terhadap metodologi penyampaian dalam sistem pendidikan negara," katanya dalam catatan di Facebook hari ini.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata beliau telah menghadiri dan merasmikan Program Karisma Pemikir MADANI Kepimpinan Tertinggi Pentadbiran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) semalam.

Beliau berkata program itu jelas mencerminkan komitmen dan kesungguhan kerajaan serta institusi pendidikan, khususnya UKM dalam memacu pembangunan negara dan memperkasakan barisan pemimpin akademik serta pentadbiran masa hadapan.

"Saya yakin dengan usaha berterusan dan kerjasama erat antara pengurusan, tenaga pengajar serta seluruh warga universiti ini, UKM akan terus unggul sebagai pusat kecemerlangan dan sumber inspirasi kepada generasi akan datang, Insya-Allah," katanya.

-- BERNAMA

# BERNAMA

17 OGOS 2024

BERNAMA ONLINE | SABAH BAKAL TUBUH MAJLIS TVET NEGERI

## Sabah Bakal Tubuh Majlis TVET Negeri

🕒 17/08/2024 06:25 PM



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah Datuk Dr Mohd Arifin Mohd Arif (kiri) diberikan penerangan mengenai robotik oleh pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Garam Luthfy Hezreeq Hadif Lunsinus (dua, kanan) sewaktu melawat pameran pada majlis perasmian penutupan program festival pendidikan STEM dan TVET peringkat negeri Sabah di Pejabat Pendidikan Daerah Kinabatangan hari ini. -- fotoBERNAMA (2024) HAK CIPTA TERPELIHARA

KINABATANGAN, 17 Ogos (Bernama) -- Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) akan ditubuhkan selewat-lewatnya awal tahun hadapan di Sabah, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah Datuk Mohd Arifin Mohd Arif.

Beliau berkata penubuhan majlis berkenaan adalah penting bagi memperkasakan pelaksanaan program TVET dan juga berkaitan bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) di negeri itu.

"Ketika ini kita (kementerian) sedang membuat kertas kerja untuk dikemukakan ke kabinet negeri agar Sabah selewat-lewatnya awal tahun hadapan akan ada Majlis TVET Negeri Sabah.

"Kita sudah ada Jawatankuasa Sains Negeri Sabah dan kita akan pacu dua jawatankuasa ini untuk memperkasa TVET dan STEM di negeri ini," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan perasmian Festival Pendidikan STEM dan TVET peringkat negeri Sabah di sini hari ini.

Mohd Arifin berkata Majlis TVET Negeri Sabah akan dianggotai wakil daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, Universiti Malaysia Sabah selain tokoh serta pakar dalam bidang TVET.

"Saya ada bincang dengan Ketua Menteri (Datuk Seri Hajiji Noor) mengenai perkara ini," katanya lagi.

Mohd Ariffin berkata Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah bersama Jabatan Pendidikan Negeri Sabah serius mengambil pendekatan kerjasama dengan rakan strategik bagi menarik minat pelajar sekali gus merealisasikan sasaran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

"Sasaran KPM mencapai nisbah 60:40 pelajar sains berbanding sastera atau sains sosial pada peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi, dan Sabah seiring dengan sasaran KPM," katanya lagi.

Sementara itu, beliau berharap Festival Pendidikan STEM dan TVET dapat membuka mata semua sekolah bagi mempromosi keunikan bidang STEM serta TVET secara holistik dengan mengadakan program yang unik serta mudah difahami warga sekolah terutama pelajar.

-- BERNAMA

# BERNAMA

17 OGOS 2024

BERNAMA ONLINE | PROGRAM TVET AKAN DITAWARKAN KEPADA PELAJAR LUAR NEGARA

## Program TVET Akan Ditawarkan Kepada Pelajar Luar Negara – Ahmad Zahid

🕒 17/08/2024 02:23 PM



Timbalan Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyampaikan ucapan pada Program International Young Future Leaders Summit 2024 (iFUTURE 2024) di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur, hari ini. --fotoBERNAMA (2024) HAK CIPTA TERPELIHARA

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di negara ini bakal ditawarkan kepada pelajar luar negara, namun ia akan dikendalikan pihak swasta, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Majlis TVET Negara berkata hal ini penting bagi memastikan tempat dan peluang latihan yang disediakan oleh kerajaan kepada pelajar-pelajar tempatan di institusi sedia ada, tidak direbut oleh pelajar luar negara.

Beliau berkata dengan persekitaran dunia yang sudah berubah, TVET kini menjadi asas kepada ekosistem pendidikan baharu dan disebabkan itu, kerajaan bersedia untuk menawarkan latihan di 1,345 institusi TVET di seluruh negara.

"Tentunya bidang-bidang baharu (ditawarkan dalam latihan TVET) ini sesuai dengan pelaburan langsung asing (FDI) yang datang ke negara kita kerana dalam sistem pendidikan, hanya 20 peratus pedagogi pendidikan dibuat di dalam kelas dan 80 peratus lagi di makmal, tempat kerja atau di lapangan.

"Perkara ini yang menarik dan para pelajar luar negara juga akan ditawarkan latihan sama yang dikendalikan pihak swasta," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucap-tama pada Program International Young Future Leaders Summit 2024 (iFUTURE 2024) di sini hari ini.

Mendepani masa depan, Ahmad Zahid berkata TVET harus dilihat sebagai satu bentuk penerobosan kepada anak-anak muda dalam mendapatkan jaminan pekerjaan daripada pemain-pemain industri.

"Ertinya apabila mereka gagal atau tidak cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bukan bermaksud dunia telah kiamat. Tidak, sebaliknya kita guna TVET sebagai penerobosan baharu untuk mewarnai masa depan kerjaya mereka kerana ia ekosistem pendidikan baharu," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menggesa pemimpin muda memainkan peranan penting dalam memperjuangkan TVET sebagai laluan berharga untuk perkembangan kerjaya.

Beliau berkata melalui TVET, mereka dapat membantu membentuk semula imej bidang itu dan menyerlahkan peranan kritikal dalam memenuhi permintaan pasaran pekerjaan masa kini.

"Matlamat kami ialah menukar persepsi bahawa pendidikan akademik tradisional hanya satu-satunya jalan untuk berjaya. TVET (sebenarnya) menawarkan kepentingan yang seimbang dan banyak peluang dalam pelbagai industri dan sektor.

"Ia menyediakan laluan untuk individu melibatkan diri dalam kerja yang begitu bermakna, membina kerjaya dan menyumbang secara signifikan kepada bidang mereka," katanya.

Program julung kali dianjurkan Kementerian Pendidikan Tinggi selama tiga hari bermula semalam itu, ialah usaha untuk memastikan generasi pemimpin negara didedahkan dengan pelbagai isu nasional dan global.

Ia melibatkan lebih 1,000 pemimpin pelajar tempatan dan antarabangsa dari 46 negara, dan menyediakan platform dan peluang kepada pelajar menunjukkan bakat kepimpinan, meningkatkan kualiti akademik dan menambah baik kemahiran pengucapan awam mereka.

-- BERNAMA

# BERNAMA

18 OGOS 2024

BERNAMA ONLINE | IFUTURE 2024 PERKUKUH BAKAT KEPIMPINAN, KUALITI KEILMUAN MAHASISWA

## Ifuture 2024 Perkukuh Bakat Kepimpinan, Kualiti Keilmuan Mahasiswa – Zambry

🕒 18/08/2024 11:47 PM



KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Penganjuran Sidang Kemuncak Pemimpin Muda Antarabangsa 2024 (iFUTURE 2024) menjadi ruang bagi mahasiswa memperkukuh dan menyerlahkan bakat kepimpinan, kata Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

Zambry berkata iFUTURE 2024 yang julung kali dianjurkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan bermula sejak 16 Ogos lepas itu juga menjadi ruang untuk mahasiswa meningkatkan kualiti keilmuan, mengukuhkan keterampilan dan kemahiran pengucapan awam.

Beliau berkata persidangan berkenaan juga membuka ruang kepada mahasiswa tempatan dan luar negara untuk berinteraksi selari dengan matlamat dan hala tuju kerajaan dalam membentuk mahasiswa bermutu tinggi dalam segala aspek.

"Lebih 1,000 pemimpin mahasiswa tempatan dan antarabangsa dari 46 negara telah mendapat manfaat secara langsung melalui sesi perkongsian dan diskusi melibatkan para pemimpin daripada sektor pendidikan tinggi, pemimpin muda serta beberapa menteri Kabinet yang memfokus kepada usaha membangunkan pemimpin masa hadapan yang terampil dan berwibawa.

"Program ini juga mengumpulkan penceramah daripada pemimpin luar memandangkan kita mempunyai ramai pelajar antarabangsa iaitu lebih kurang 128,000 orang pada masa ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis penutup iFUTURE 2024 itu di sini hari ini.

Sebanyak tujuh forum diadakan sepanjang sidang itu dengan tajuk antaranya 'Peranan Mahasiswa Sebagai Rakan Pembina Negara Bangsa', 'Teknologi AI Pemacu Kepimpinan Masa Hadapan' dan 'Penerapan Nilai Manusiawi di Media Sosial'.

Zambry turut mengumumkan penubuhan Global Student Unity Network (GSUN) yang akan menjadi platform kerjasama bagi membangunkan program kepimpinan mahasiswa peringkat antarabangsa.

"Ia juga akan menjadi platform jaringan antara pemimpin mahasiswa tempatan dan antarabangsa untuk berkongsi idea dan pendapat. Butiran akses kepada rangkaian itu akan diumumkan dalam masa terdekat," katanya.

# METRO

18 OGOS 2024

MY METRO | RM50 JUTA BAIK PULIH FASILITI POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI SELURUH NEGARA

## RM50 juta baik pulih fasiliti politeknik, kolej komuniti seluruh negara

Nor Amalina Alias  
am@hmetro.com.my



FOTO HIASAN

Kota Bharu: Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) Kementerian Pendidikan Tinggi menerima peruntukan berjumlah RM50 juta bagi membaik pulih fasiliti usang.

Peruntukan itu sebagai komitmen jabatan bagi menyediakan fasiliti yang kondusif kepada 36 buah politeknik dan 106 buah kolej komuniti di seluruh negara.

Pengarah Kanan (Kompetensi) JPPKK, TS Abdul Razak Sabtu berkata sehingga kini jabatan mempunyai hampir 15,000 tenaga kerja dan enrolmen pelajar semasa kira-kira 100,000 orang.

Katanya, JPPKK turut menerima peruntukkan RM16.7 juta di bawah peruntukkan digital bagi naik taraf kelajuan internet di kedua pusat pendidikan berkenaan.

"Kedua-dua peruntukan itu adalah komitmen utama jabatan bagi tahun ini supaya pelajar dapat pendidikan berkualiti.

"Bagi projek naik taraf Internet, dijangka siap pada hujung tahun ini dan bakal memberi manfaat kepada pelajar mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara hibrid melalui virtual lab, Augmented Reality (AR) dan Mixed Reality (MR)," katanya ketika berucap merasmikan majlis Konvokesyen Politeknik Kota Bharu (PKB) ke 37 dan Kolej Komuniti Negeri Kelantan 2024 di Dewan Jubli Perak PKB di sini, hari ini.

Dalam majlis konvokesyen itu, seramai 1,497 graduan daripada PKB dan Kolej komuniti menerima sijil tamat pengajian bermula hari ini sehingga 22 Ogos ini.

Abdul Razak dalam ucapannya turut memaklumkan kadar kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti 2023 mencatat sejarah tertinggi dicatatkan sebanyak 97 peratus.

Katanya, graduan lepasan jabatan ini mendapat kepercayaan hampir 19,000 industri seperti perbankan, syarikat elektronik dan syarikat pengeluar minyak dan gas terkenal dalam dan luar negara.

# BERNAMA

20 OGOS 2024

BERNAMA ONLINE | ORANG ASLI TERIMA DIPLOMA DALAM BIDANG KEJURUTERAAN AWAM

## Orang Asli Terima Diploma Dalam Bidang Kejuruteraan Awam

🕒 20/08/2024 09:16 PM



Graduan perempuan Orang Asli dari Suku Temiar Siti Suwani Jali, 24, (kiri) menunjukkan Diploma Kejuruteraan Awam yang berjaya diperolehi kepada ibunya, Noriah Jelit, 54, pada Konvokesyen Politeknik Kota Bharu ke-37 di Dewan Jubli Perak ketika ditemui Bernama. --fotoBERNAMA (2024) HAK CIPTA TERPELIHARA

KOTA BHARU, 20 Ogos (Bernama) -- Seorang graduan perempuan Orang Asli dari Suku Temiar Siti Suwani Jali berjaya memperoleh Diploma Kejuruteraan Awam pada Majlis Konvokesyen Politeknik Kota Bharu, hari ini.

Siti Suwani, 24, berkata sebelum berjaya menamatkan pengajiannya, beliau hampir berhenti melanjutkan pelajaran di pusat pengajian itu, berikutan kerap kali terpaksa mengulang subjek.

"Semasa semester satu lagi saya mahu berhenti, kerana banyak subjek sukar untuk dipelajari, malah setiap kali saya tempuh cabaran mengulang subjek, setiap kali saya rasa mahu menyerah kalah dan berhenti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui Bernama selepas Majlis Konvokesyen Politeknik Kota Bharu ke-37 di Dewan Jubli Perak, Politeknik Kota Bharu, di sini, hari ini.

Graduan dari Pos Pulat, Gua Musang itu berkata kejayaan itu dapat beliau capai, kerana ibunya yang menjadi pembakar semangat untuk beliau meneruskan pengajian.

Siti Suwani yang merupakan anak bongsu daripada lima beradik itu berkata ibunya sentiasa meletakkan harapan tinggi untuk beliau menamatkan pengajiannya.

"Saya teruskan belajar dengan bantuan pensyarah dan rakan-rakan lain, yang sentiasa memberi sokongan dan tunjuk ajar sehingga berjaya menamatkan pengajian ini," katanya yang menerima biasiswa Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Siti Suwani berkata beliau mengambil bidang berkenaan, kerana tidak ramai daripada kaumnya yang mengambil kejuruteraan awam untuk menyambung pengajian mereka.

“Kebiasaannya kaum kami (Orang Asli) melanjutkan pengajian dalam pendidikan, jadi saya mahu memartabatkan Orang Asli terutama wanita untuk rajin belajar, sekali gus mampu bersaing dengan kaum lain di negara ini,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Politeknik Kota Bharu Mohd Fikri Ismail berkata Siti Suwani antara graduan Orang Asli yang menerima diploma mereka hari ini.

Beliau berkata Siti Suwani mengikuti latihan industri di Majlis Daerah Gua Musang dan mendapat keputusan cemerlang.

“Kita sentiasa memberi dorongan kepada pelajar tanpa mengira kaum, malah dengan kejayaan Siti Suwani ini, kita harap ramai lagi Orang Asli terinspirasi untuk menyambung pengajian di sini dalam bidang kemahiran,” katanya.

-- BERNAMA

**MY METRO | UTEM TERIMA ANUGERAH UNIVERSITI AWAM TVET**

Ilah Hafiz Aziz  
am@hmetro.com.my



KUALA LUMPUR: Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menerima anugerah Universiti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Terbaik Malaysia bagi kategori universiti awam.

Anugerah anjuran Education + TVET Asia Publications itu mengiktiraf kecemerlangan dan sumbangan cemerlang dalam bidang pendidikan dan TVET di seluruh Malaysia dan rantau Asia Tenggara.

Ia diterima Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Dr Massila Kamalrudin di majlis Malaysia Education & TVET Awards (META) 2024, semalam.

Massila berkata, anugerah itu menjadi satu pengiktirafan yang amat bermakna buat UTeM dengan mesej jelas mengenai usaha dan komitmen UTeM dalam pemerkasaan TVET melalui impak berterusan.

Katanya, UTeM dan TVET membangunkan Teras Strategik utama UTeM menerusi Pelan Strategik UTeM 2023-2025 dengan memfokuskan Memperkasa TVET Meluncur Kerjaya seiringan hasrat negara melalui Majlis TVET Negara.

"Kami menggerakkan seluruh jentera meliputi aspek pendidikan, penyelidikan inovasi, pembangunan pelajar, hubungan industri, institusi pendidikan, kerjasama dengan agensi strategik dan pemerkasaan komuniti yang bukan hanya di peringkat nasional malahan merentas di peringkat antarabangsa bagi mencapai kejayaan TVET secara meluas.

"Hasilnya memberangsangkan apabila setiap elemen itu membuahkan impak yang diharapkan antaranya penawaran bidang pengajian kami menepati keperluan dan permintaan semasa industri, bilangan kemasukan pelajar melebihi dari yang disasarkan dan pada tahun ini, kami juga sudah merangkul Anugerah Universiti Pilihan Majikan (Employers' Choice of University Award)," katanya dalam satu kenyataan, di sini hari ini.

Kata Massila, usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan UTeM terutamanya graduan TVET adalah kewajipan UTeM melalui kejayaan cemerlang menjadi juara berganda dalam kalangan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) apabila mencapai kadar Kebolehpasaran Graduan (GE) 2023 97.7 peratus dan 76.7 peratus graduan bekerja.

Jelasnya, pemerkasaan TVET dalam kalangan universiti-industri dan pengantarabangsaan adalah elemen berangkai yang perlu direalisasikan secara konsisten.

"Kolaborasi antara UTeM bersama pihak industri dan institusi pendidikan tinggi TVET di serata dunia dijayakan menerusi siri-siri jalinan kerjasama strategik seperti di negara Jerman, Perancis, Korea, United Kingdom, Jepun, China, Afrika Selatan, UAE dan lain-lain negara termasuk perkongsian kepakaran demi kelestarian TVET masa kini dan masa hadapan.

"Di samping itu pelbagai penganjuran program dan aktiviti TVET berimpak tinggi telah dilaksanakan UTeM secara meluas meliputi segenap peringkat negeri Melaka, seluruh negara sehinggalah bertaraf dunia," katanya.

Massila berkata, UTeM turut menampilkan formula strategik menerusi TVET Place and Train UTeM@KPT bagi menawarkan 25,000 peluang penempatan pekerjaan bergaji premium buat graduan.

"TVET Place and Train UTeM@KPT adalah formula khas yang dibangunkan UTeM dengan menggerakkan empat inisiatif kerangka utama yang terdiri daripada JELITA UTeM@KPT, UTeM-Industrial Playground, Industry-MTUN Cyber Security Consortium dan National Industrial Career Expo (NICE@UTeM)," katanya.

**Disiarkan pada: Ogos 20, 2024 @ 11:02pm**

# BERNAMA

22 OGOS 2024

BERNAMA ONLINE | 1,220 PELAJAR TVET MALAYSIA TELAH JALANI LATIHAN DI CHINA

## 1,220 Pelajar TVET Malaysia Telah Jalani Latihan Di China

🕒 22/08/2024 04:50 PM



KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Seramai 1,220 pelajar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara ini telah dihantar untuk menjalani latihan di China setakat ini, kata Pengerusi Lembaga Penasihat Malaysia-China Institute (MCI) Manndzri Nasib.

Beliau berkata mereka dihantar ke republik itu melalui konsep sekolah seni lengkap diri berikutan sebanyak 220 institusi TVET serta industri mahupun syarikat di China menawarkan 5,125 kuota kepada pelajar TVET Malaysia untuk menjalani latihan bagi jangka pendek, sederhana dan panjang.

"Usaha ini sekali gus menjadi 'game changer' atau pengubah keadaan dalam melonjakkan industri TVET di Malaysia dalam bidang seperti automatif (kenderaan elektrik, kenderaan tenaga boleh diperbaharui, kenderaan autonomi), automasi industri, semikonduktor, Internet benda, kecerdasan buatan, keselamatan siber dan sebagainya.

"Komitmen kerajaan untuk mengantarabangsakan latihan TVET terbukti dalam perkongsian yang diwujudkan dengan institusi asing, pengenalan pensijilan yang diktiraf di peringkat antarabangsa dan penekanan pada program pertukaran silang budaya untuk pelajar TVET," katanya.

Manndzri berkata demikian ketika berucap pada Majlis Konvokesyen Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran (Belia Mahir) Ke-7 2024 di sini hari ini yang dirasmikan Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Seri Ahmad Maslan.

MCI yang ditubuhkan pada 11 Sept 2023 merupakan manifestasi usaha ke arah memperkuat hubungan dua hala Malaysia dan China menerusi kerjasama rentas negara antara institusi TVET kedua-dua negara bagi peningkatan bakat kemahiran TVET tempatan di masa depan.

Mengenai majlis konvokesyen berkenaan, Manndzir berkata seramai 200 bakat kemahiran TVET menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam pelbagai bidang dan daripada jumlah itu, seramai 49 pelajar telah menjalani latihan di China dan 20 pelajar akan melanjutkan latihan selama setahun di Universiti Tangshan, China dalam bidang kenderaan elektrik canggih.

Sementara itu, seorang penerima sijil SKM Tahap 3 pada konvokesyen itu Adi Khair Qusyairi, 20, berkata pengalaman selama dua minggu menjalani latihan kemahiran berkaitan automatif di China membuatkan beliau lebih berminat untuk mendalami bidang itu.

"Saya juga telah mendapat tawaran dari Belia Mahir untuk menjalani latihan di Universiti Tangshang selama setahun. Peluang ini akan dimanfaatkan sebaiknya kerana pengalaman dua minggu di China (sebelum ini), saya dapat melihat betapa canggihnya teknologi mereka.

"Saya akan belajar bersungguh-sungguh dan berusaha menambah pengetahuan dan meningkatkan kemahiran dalam bidang automotif kereta, Insya-Allah," kata pelajar Gemilang Motor Academy (GMA) di Seremban, Negeri Sembilan.

-- BERNAMA

# BERNAMA

24 OGOS 2024

BERNAMA ONLINE | KEBOLEHPASARAN LULUSAN TVET MENINGKAT

## Kebolehpasaran Lulusan TVET Meningkat – Ahmad Zahid

🕒 24/08/2024 03:46 PM



Presiden UMNO Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi melawat reruai pada Program Eksplorasi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) sempena Perhimpunan Agung UMNO 2024 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) hari ini. -- fotoBERNAMA (2024) HAK CIPTA TERPELIHARA

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Kadar kebolehpasaran pelajar yang mengikuti program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) setakat ini berada sekitar 97.4 peratus, hasil kolaborasi pemain industri dan institusi TVET.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga Pengerusi Jawatankuasa Majlis TVET Negara berkata jumlah itu merupakan peningkatan daripada 94.5 peratus yang dicatatkan tahun lepas.

"TVET kita jadikan sebagai agenda merentasi kaum dan politik. Kita merasakan TVET bukan satu ekosistem pendidikan yang baharu, di mana kita mahu guna tenaga di negara kita ini berada di situasi guna tenaga penuh.

"Kita dapati dari segi peluang pekerjaan memang banyak, tetapi industri memerlukan pekerja-pekerja yang berkemahiran dan TVET adalah jawapannya untuk menyediakan kursus-kursus yang berkaitan dengan industri agar mereka terus dapat masuk ke pasaran," katanya.

Ahmad Zahid berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau program Eksplorasi TVET @WTC di Dewan Tun Dr Ismail, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur, di sini hari ini.

Program Eksplorasi TVET adalah antara usaha berterusan kerajaan dalam mengekalkan momentum kesedaran dan minat rakyat terhadap bidang TVET.

Program bertemakan "TVET Pilihan Utama Kerjaya" yang berlangsung selama tiga hari bermula semalam, mengetengahkan konsep gerbang maklumat latihan dan pekerjaan.

Pengunjung berpeluang mendapatkan maklumat dan pengalaman berkaitan bidang TVET yang ditawarkan oleh institusi TVET serta potensi laluan kerjaya dalam bidang tersebut.

Sementara itu, ditanya mengenai cadangan agar Majlis Amanah Rakyat (MARA) menyediakan sekolah sendiri, Ahmad Zahid berkata beliau menyerahkan perkara itu kepada Pengerusi MARA Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki untuk meneliti dan membuat perincian.

Semalam, Ahmad Zahid yang juga Presiden UMNO dalam ucapan dasar pada perhimpunan agung parti itu mencadangkan agar MARA melengkapkan ekosistem pendidikan dengan membuka sekolah rendah bagi memastikan agenda membangunkan generasi masa hadapan dapat digarap dengan silibus pembangunan modal insan yang mantap.

-- BERNAMA

# BERNAMA

26 OGOS 2024

BERNAMA ONLINE | LUMPUH TIDAK HALANG MUHAMMAD HAFIZUDDIN TERUSKAN KEHIDUPAN

## Lumpuh Tidak Halang Muhammad Hafizuddin Teruskan Kehidupan

🕒 26/08/2024 11:08 PM



Menteri Besar Perak Datuk Seri Saarani Mohamad (dua, kiri) menyampaikan replika cek Anugerah Khas Industri kepada Muhammad Hafizuddin Mohd Yamin (dua, kanan) yang lumpuh bahagian pinggang ke bawah akibat kemalangan motosikal tahun lepas, bersempena Istiadat Konvokesyen Ke-52 Politeknik Ungku Omar (PUO) di sini hari ini. Turut hadir Pengarah Politeknik Ungku Omar Dr Shamsuri Abdullah (kiri) dan Pengarah Urusan Weilmat Solution (M) Sdn Bhd Raja

Konvokesyen Ke-52 Politeknik Ungku Omar (PUO) di sini.

Beliau yang masih berkerusi roda berkata setakat ini dia tiada perancangan khusus untuk masa depannya selain daripada menguruskan dirinya terlebih dahulu.

“Saya masih menjalani rehabilitasi, jadi PERKESO (Pertubuhan Keselamatan Sosial) dah ada telefon dan menerangkan segalanya, jadi mereka akan beri masa untuk saya uruskan diri dulu, baru untuk cari kerjaya bersesuaian.

“Hasrat sebelum ini memang nak masuk kerjaya bidang automotif, tetapi dah jadi begini, saya masih belum tahu bidang apa yang sesuai dalam keadaan macam ini,” kata anak kedua dari tiga beradik itu kepada pemberita.

Lebih manis untuk Muhammad Hafizuddin, Saarani sendiri turun daripada pentas utama untuk menyampaikan diploma dan anugerah itu kepadanya yang berkerusi roda.

Muhammad Hafizudin juga merupakan penerima Anugerah Ketua Jabatan (AKJ) sebanyak empat kali berturut-turut dari semester satu hingga empat.

Muhammad Hafizuddin menyatakan kemalangan motosikal itu berlaku pada 6 Okt tahun lepas setelah dia menamatkan pengajian.

<sup>4</sup> Sementara itu, Zawiyah Demanis, 60, naik ke pentas pada istiadat konvokesyen itu bagi mewakili anak lelakinya Allahyarham Ahmad Hirfan Shahrir untuk menerima Diploma Anumerta.

Allahyarham Ahmad Hirfan merupakan graduan Diploma Kejuruteraan Mekanikal yang telah meninggal dunia pada 4 April lepas akibat penyakit kanser sarcoma sinovial (ketumbuhan di dalam paru-paru).

Zawiyah ketika ditemui pemberita berkata Allahyarham Ahmad Hirfan berhasrat untuk menyambung pengajian di Perancis atau Jepun bagi mendalami bidang automotif.

“Dia memang sangat minat bidang automotif, itulah cita-cita dia, kalau kami nak rujuk apa-apa tentang kereta, memang kami akan rujuk kepadanya,” kata Zawiyah.

Pada majlis hari ini, Saarani menyempurnakan Istiadat Konvokesyen PUO Ke-52 bagi sidang pertama membabitkan seramai 495 graduan dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal.

Istiadat konvokesyen itu berlangsung mulai hari ini hingga Khamis yang meraikan seramai 1,748 graduan meliputi peringkat diploma, ijazah sarjana muda dan sijil kemahiran khas membabitkan 20 bidang pengajian.

BERNAMA

# BERITA HARIAN

24 OGOS 2024

BERNAMA ONLINE | PERKUKUH EKOSISTEM TVET

## Perkukuh ekosistem TVET

Hafiz Ithnin  
hafizithnin@mediaprima.com.my



Kuala Lumpur: Majlis TVET Negara secara berterusan mengadakan kerjasama dengan pemain industri pembinaan melalui pemeteraian Memorandum Kerjasama (MoC).

Ketua Sekretariatnya, Dr Mohd Faizal Tokeran berkata, jalinan kerjasama strategik ini adalah mekanisme penting bagi membantu kerajaan mencapai visi dan misi yang ditetapkan.

"Dengan adanya cadangan Transformasi Program TVET dan jalinan kerjasama strategik ini dapat memperkukuhkan ekosistem TVET, sekali gus merapatkan jurang antara permintaan dan penawaran tenaga kerja.

"Di samping itu, ia bertujuan mengelak pertindihan program dan pengoperasian, keperluan untuk menyelaraskan dan meneliti pelaksanaan program TVET.

Katanya, Majlis TVET Negara berperanan penting memastikan penyelarasan pembangunan bakat tempatan seterusnya dapat membantu mengurangkan kebergantungan Malaysia kepada tenaga kerja asing.

"Dasar TVET Negara 2030 dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 8 Jun lalu menjadi garis panduan komprehensif yang menetapkan aspirasi dan hala tuju kerajaan dalam mencapai matlamat Malaysia ke arah negara maju berpaksikan modal insan berkemahiran melalui program TVET yang responsif, fleksibel dan inklusif.

"Pembangunan Dasar TVET Negara 2030 ini membabitkan rangkuman pelbagai dasar serta hasil kajian dan cetusan idea melalui sesi libat urus yang diterjemahkan kepada lima teras strategik.

"Ia tadbir urus komprehensif dan bersinergi, kualiti dan laluan pendidikan bertaraf dunia, kerjasama industri cekap dan produktif, pembiayaan TVET mampan dan TVET pilihan utama kerjaya," katanya.

Menurutnya, teras strategik berkenaan disokong 23 strategi dan 67 inisiatif utama sebagai tunjang dasar ini yang diharapkan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pemegang taruh.

"Penyeragaman dan kesatuan diterjemah pemegang taruh amat penting untuk memastikan TVET memberi impak tinggi kepada kemajuan ekonomi negara.

"Dasar TVET Negara menggariskan hala tuju jelas dalam memperkukuh pembangunan bakat dan modal insan negara. Antara perkara penting memastikan penawaran kursus TVET dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan industri dan hala tuju ekonomi negara," katanya.

Katanya, stigma negatif bidang TVET sering disalah erti sebagai pilihan kedua ditangkis apabila graduan TVET kian mendapat perhatian daripada majikan.

"Bagi meningkatkan akses kepada TVET yang berkualiti, imej TVET perlu ditambah baik dan diperkukuh melalui promosi berkesan untuk meningkatkan daya tarikan ke arah bidang TVET.

"Melalui langkah strategik ini, hasrat menghasilkan lebih ramai tenaga kerja berkualiti dan berkemahiran tinggi," katanya.

# METRO

28 OGOS 2024

MY METRO | POLITEKNIK PORT DICKSON LAKAR SEJARAH PERINGKAT ASIA

## Politeknik Port Dickson lakar sejarah peringkat Asia

Mohd Khidir Zakaria  
am@hmetro.com.my



Lawatan Delegasi The Don Bosco Salesian Sisters, Filipina bagi Penanda Aras Antarabangsa Akreditasi Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC) yang diadakan di Politeknik Port Dickson. FOTO Ihsan Politeknik PD

Port Dickson: Politeknik Port Dickson mencipta sejarah apabila menduduki tempat pertama dalam kalangan semua politeknik di Malaysia dan institusi TVET di Pan-Asia.

Pengarah Politeknik Port Dickson, Hasan Mohd Sharif berkata, kejayaan itu menjadikan Politeknik Port Dickson sebuah institusi yang unggul dalam dalam sistem pendidikan TVET di peringkat antarabangsa.

"Politeknik Port Dickson dianugerah dengan Platinum Award semasa akreditasi Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC) pada tahun 2023.

"Sudah pastinya kita berbangga apabila PPD menjadi sebuah institusi yang unggul dalam sistem pendidikan TVET di peringkat antarabangsa. Pengiktirafan ini juga adalah untuk negara," katanya tadi.

Katanya, terdahulu, mereka menyambut lawatan Delegasi The Don Bosco Salesian Sisters, Filipina bagi Penanda Aras Antarabangsa Akreditasi Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC).

"Lawatan delegasi Filipina ini diadakan pada 26 dan 27 Ogos baru-baru ini adalah sebagai usaha penanda aras dalam persiapan The Don Bosco Salesian Sisters menghadapi akreditasi Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC) di institusi mereka.

"Kita diberi anugerah dengan Platinum Award semasa akreditasi Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC) untuk tahun 2023," ujarnya.

Hasan berkata, lawatan mereka membabitkan pelbagai aktiviti termasuk tinjauan ke fasiliti-fasiliti kampus, sesi perbincangan bersama kakitangan akademik dan pentadbiran.

"Mereka juga turut berinteraksi bersama pelajar, lawatan industri serta sesi tandatangan Letter of Intent (LoI) diantara Politeknik Port Dickson dan The Don Bosco Salesian Sisters.

"Delegasi ini juga menilai, melihat dan belajar daripada amalan terbaik yang dilaksanakan oleh Politeknik Port Dickson, yang boleh dijadikan panduan untuk meningkatkan standard institusi mereka sendiri dalam mencapai akreditasi APACC," katanya.

# METRO

29 OGOS 2024

BERNAMA ONLINE | PERMINTAAN TINGGI GRADUAN TEKNIKAL

## Permintaan tinggi graduan teknikal

Hafiz Ithnin  
hafizithnin@mediaprima.com.my



Kuala Lumpur: Peluang kerjaya dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sering dilihat sebagai 'kecil' kerana pengkhususan yang spesifik dan teknikal.

Bagaimanapun, permintaan terhadap graduan TVET sentiasa mendapat permintaan tinggi dalam dan luar negara jika berada dalam suasana ekonomi yang membangun dan rancak.

Ketua Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal Fakulti Pengajian Universiti Putra Malaysia (UPM), Ts Dr Mohd Hazwan Mohd Puad berkata, bidang TVET dengan bukan teknikal adalah sama penting dan kritikal kepada pembangunan negara.

Menurutnya, ini kerana perbandingan dan penarafan bidang TVET atau bidang luar TVET ditafsir daripada pelbagai sudut seperti peluang kerjaya, persepsi sosial dan gaji yang ditawarkan.

"Berbanding bidang TVET, kerjaya luar bidang TVET lebih umum dan luas kerana lebih bersifat sokongan dan sosial serta kemanusiaan.

"Pengetahuan dan kemahiran luar bidang TVET boleh digunakan dalam hampir semua sektor kerana melibatkan elemen sosial dan kemanusiaan.

"Dari satu sisi, bidang TVET dipandang kurang berprestij berbanding bidang luar TVET. Bidang TVET sering dinormalisasikan sebagai pekerjaan kolar biru yang memerlukan aspek teknikal, pembaikan, kerja tangan dan pembinaan. Ia dilihat sebagai kurang berprestij dan sebagai pilihan kedua," katanya.

Katanya, bidang luar TVET sering disinonimkan dengan pekerjaan kolar putih yang membabitkan kerja pentadbiran, pengurusan dan pembuat dasar dari lensa persepsi sosial.

"Kerjaya bidang TVET menawarkan julat gaji pelbagai dan fleksibel. Jika pekerjaan sangat kritikal dan spesifik maka gaji yang diterima amat kompetitif dan lumayan.

"Pada masa sama, kerjaya luar bidang TVET boleh dikatakan hampir stabil dan selaras mengikut pengalaman dan kekananan seseorang itu," katanya.

Katanya, secara umumnya, pilihan pengajian bidang TVET pembinaan masih pada tahap sederhana dan terhad mengikut lokasi serta kesediaan penawaran perkhidmatan pengajian atau latihan.

"Penambahbaikan seperti polisi mesra rakyat tempatan, jaminan permintaan kerja yang tinggi serta penstrukturan tangga gaji TVET pembinaan yang lebih menarik akan dapat membantu mengurangkan kebergantungan industri pembinaan kepada warga kerja asing," katanya.